# AJARAN SESAT

## Bahagian IV

### Iktikad Puak Batiniyah (Sambongan)

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.......



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

(DALAM dua keluaran yang lalu telah di-sebutkan enam perkara salah dan sesat yang di-iktikadkan oleh puak Batiniyah. Kali ini di-sebutkan lagi dua perkara yang lain — Penyunting).

## Siri ke-107

7 — IMAM2 mereka.

Puak Batiniyah perchaya bahawa imam2 (pemimpin2) mereka ia-lah anak2 Sayidina Al-Hussin bin Ali bin Abi Talib ('alaihisalam). Menurut mereka, imam2 tersebut mengetahui perkara2 ghaib, dan ilmu ghaib mereka itu datang-nya dari tuhan mereka yang mentadbirkan alam ini. (Mereka mempunyai macham2 tuhan, sa-hingga tidak di-ketahui mana satu tuhan mereka— ada-kah menurut chara tuhan orang2 Grek atau orang2 Hindu, Majusi atau Budha?)

Dakwaan mereka berhubong dengan imam2 mereka itu ada-lah salah dan batal. Kira-nya harus pemimpin2 mereka itu datang dari anak chuchu Sayidina Al-Hussin maka harus juga datang daripada anak chuchu Sayindina Al-Hassan, dan harus juga daripada orang yang sah nasab-nya kapada Sayidina Al-Hussin sa-lepas chuchunda-nya Al-Imam Muhammad bin Ismail bin Jaafar As-Sadiq bin Muhamamd Al-Baqir bin Ali Zainal 'Abiddin bin Sayidina Al-Hussin — chuchu Rasulullah s.a.w. ibnu Ali bin Abi Talib, bahkan harus yang datang daripada anak chuchu Abdullah bin Maimun Al-Qaddah Attanawwi Ketua puak Batiniyah yang kafir itu.

Mereka berkata, pemimpin mereka mengetahui perkara ghaib yakni segala perkara yang berlaku di-atas dan di-alam bumi. Perkataan mereka itu tiada ada dalil sama ada dari naqal. Dan kita umat Islam mengetahui bahawa pangkat Nabi lebeh tinggi dari pangkat al-imamah, dan Allah Ta'ala telah berkhabar kapada kita keadaan Nabi kita Sayidina Muhammad s.a.w. dalam Al-Kor'an surah Al-A'araf ayat 188 yang tafsir-nya : *"Jikalau saya ada mengetahui perkara2 ghaib neschaya saya membanyakkan perkara2 yang kebajikan dan tiada-lah saya kena kejahatan dari kesusahan dan lain2, kerana saya telah berjaga2 daripada-nya dengan menjauhi perkara mudharat, pada hal saya tiada dapat berbuat begitu, melainkan dengan izin Allah jua."*

8 — INGKARKAN HARI KIAMAT

Puak Batiniyah itu ingkarkan hari kiamat dan perihal bangkit dari kubor dan berhimpun di-Padang Mahshar serta seterus-nya mereka ingkarkan shurga dan neraka dan menurut sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam Al-Kor'an dan menurut dari apa yang di-ketahui thabit ada-nya daripada ugama kita.

Mereka berkata mengetahui hari kiamat itu wajib tetapi bukan menurut erti yang di-ketahui oleh puak yang memegang zahir. Kata mereka, kiamat itu ertinya 'bangkit' (qa'im al-zaman) ia-itu keluar-nya imam mereka ia-itu imam ketujoh. Dan (ma'ad) ia-itu 'hari kembali' itu pada faham mereka ia-lah balek dan kembali-nya tiap2 sa-suatu kapada asal-nya ia-itu tabi'at yang empat. Ia-itu manusia itu tersusun dari roh dan jisim. Jisim atau jasmani manusia itu tersusun daripada empat unsor ia-itu assafra', assauda', al-balgham dan addam. Ada pun badan jasmani itu luluh dan ia balek semula kapada tabi'at-nya dan asal-nya. Maka assafra' itu jadi api, assauda' jadi tanah, addam jadi angin dan al-balgham jadi ayer. Yang demikian itu-lah nama-nya ma'ad pada fahaman mereka.

Ada pun rohani manusia itu menurut fahaman mereka ia-lah anafsul-mudrikah. Jika ia berseh dengan membuat ibadat2 dan suchi dengan menjauhi shahwat dan bekalkan dengan ilmu2 batin maka neschaya ia berhubong dengan alam rohani sa-telah ia berpisah daripada-nya pada masa yang lampau. Dan itu-lah nama-nya 'kembali' pada hari kiamat atau ma'ad itu pada fahaman mereka.

Ada pun diri yang kechewa dan mankusah dari mendapat hidayat daripada imam2 mereka yang ma'asum (orang yang tidak masok dalam puak Batiniyah dan tidak mengikut imam2 mereka) kekal-lah ia sa-panjang2 masa, menjelma dan masok ka-dalam badan2 lain (termasok-lah al-arwah) dan menanggong kepedehan azab sengsara. Dan diri atau roh itu lepas selamat masok ka-dalam badan lepas satu badan ka-badan yang lain. Demikian-lah bohong dan batil-nya fahaman mereka.

*WALLAHU A'ALAM.*

(Bersambong)

---

19 orang juru nikah menerima tauliah

# KEKURANGAN JURU NIKAH AKAN DAPAT DI-ATASI

**Oleh: Timbang Bakar**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei mengharapkan supaya juru2 nikah, imam2 dan bilal2 sentiasa mengingat untok mendapat keredhaan Allah dan Rasul-Nya dalam menjalankan tugas mereka.

Beliau menekankan demikian ketika beruchap sajurus sa-belum menyampaikan tauliah kapada juru2 nikah, imam2 dan bilal2 di-satu majlis yang berlangsong di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Khamis lepas.

Juru2 nikah, imam2 dan bilal2 yang menerima tauliah pada hari itu terdiri



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

dari pegawai2 masjid yang baru2 ini telah menamatkan kursus mereka berhubong dengan jawatan2 yang berkenaan. Bahagian Kadhi Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyedari ada-nya kesulitan yang di-hadapi oleh orang ramai untok mendapatkan juru2 nikah di--musim2 kesebokan tertentu terutama sekali jika ramai pasangan yang hendak bernikah. Justeru itu-lah bahagian berkenaan memikirkan penting-nya kursus sedemikian itu di-adakan bagi menampong kekurangan tersebut.

Sa-belum itu Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei juga mengharapkan kapada juru2 nikah itu akan sentiasa bersedia menjalankan tugas dengan ikhlas dan bersunggoh2 serta berchermat dalam menjalankan achara akad nikah, supaya akad nikah itu dapat di-pastikan sah menurut hukom2 yang telah di-tentukan.

"Kechermatan tuan2 dalam kerja akad nikah ini memang sangat2 perlu bagi mempastikan sesuatu akad nikah itu sah menurut hukum shara' dan undang-undang. Kerana itu sa-belum sesuatu akad nikah di-lakukan tuan2 wajib-lah terlebeh dahulu membuat penyiasatan2 yang paling teliti, khas-nya mengenai kedudokan perempuan dan lelaki yang akan bernikah, mengenai wali perempuan dan lain2 lagi," kata Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam seterus-nya berseru kapada orang ramai khas-nya umat Islam di-negeri ini supaya memberikan kerjasama dan pertolongan2 yang perlu kapada juru2 nikah bagi memudahkan urusan2 mereka dalam membuat penyiasatan2 yang di-perlukan untok sesuatu akad nikah yang akan di-jalankan. Dengan yang demikian perjalanan sesuatu akad nikah itu akan lebeh lichin dan sempurna.

Dalam majlis pada hari itu seramai 19 orang juru nikah baru, 18 orang imam dan 15 orang bilal telah menerima tauliah masing2 yang mana mereka itu terdiri dari pegawai2 masjid dari seluroh negeri. Turut hadhir di-majlis itu ia-lah pegawai2 kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama, beberapa orang Ahli Majlis Ugama Islam dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awg Haji Ismail menyampaikan tauliah kapada imam Masjid Kampong Jerudong, Pengiran Haji Jamaludin bin Pg Bakar.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb Disember, 1981 hingga ka-hari Selasa 8hb Disember, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 3hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 4hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 5hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 6hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 7hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 8hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# SENTIASA MENGINGATI ALLAH HATI MENJADI TENTERAM

MARI-lah sama2 kita meningkatkan rasa takwa kapada Allah s.w.t., dengan sebenar2-nya dengan menguatkan iman dan memperbanyakkan amal ibadat dan mengingati Allah serta berusaha mengawal kehendak2 hawa nafsu yang jahat. Dengan demikian mudah2an akan bertambah baik-lah keadaan kita dari satu masa kesatu masa sa-hingga menemui ajal kita.

Sa-tiap Jumaat kita berkumpol di-masjid ini untok menunaikan sembahyang Jumaat. Sa-belum Jumaat itu kita di-kehendaki berkhutbah dua khutbah sa-bagai ganti dua rakaat dari empat rakaat sembahyang fardhu zuhor. Di-akhir khutbah itu selalu berkata yang erti-nya *"Dan demi sesunggoh-nya bahawa mengingat Allah itu ada-lah sesuatu yang paling besar."* Mengingati Allah sa-benar-nya bukan perkara kechil atau perkara remeh, tetapi ia ada-lah perkara besar yang tidak boleh di-abai2kan sama sekali.

### PENGAROH

Di-antara sifat2 Allah s.w.t. itu ia-lah maha besar dan agong, maka mengingati Allah itu akan memberikan pengaroh yang sangat hebat dan sangat besar kapada manusia yang mengingat Allah, berpengaroh besar terhadap rohani dan jasmani, berpengaroh besar terhadap kehidupan-nya dan keluarga-nya serta berpengaroh besar dalam kehidupan bermasharakat dan bernegara.

Chuba kita perhatikan firman Allah dalam surah Al-Bakarah ayat 103 yang kira2 bermaksud: *"Maka ingat-lah kamu akan Aku neschaya Aku akan ingat kamu. Dan bershukor-lah kamu kapada Aku dan jangan-lah kamu kufur terhadap Ku (tiada tahu bershukor terhadap nekmat yang Aku kurniakan kapada kamu).*

### RAHMAT

Ayat Kor'an itu jelas menerangkan bahawa orang yang ingatkan Allah, Allah ingat akan orang itu. Apabila Allah ingat akan orang itu pasti-lah orang itu mendapat limpah rahmat daripada Allah, yang pasti jiwa-nya akan jadi tenteram serta lunak sa-hingga halus budi pekerti dan tutur kata-nya. Semua orang akan suka kapada-nya, sa-hingga ia sendiri gembira dan bahagia sa-kali pun hidup-nya melarat, apa lagi kalau ia kaya.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 kira2 bermaksud: *"Orang2 yang beriman menjadi tenang dan tenteram hati mereka dengan mengingat Allah, ketahui-lah bahawa dengan mengingat Allah hati akan menjadi tenang dan tenteram."*

Berapa banyak orang menchari ketenangan dengan chara yang berlawanan dengan petunjok Allah itu, misal-nya dengan meminum arak atau penageh dadah tetapi bukan ketenangan yang mereka dapat, malah sa-makin ditageh sa-makin haus bagaikan meminum ayer laut, sa-makin di-minum sa-makin haus, akhir-nya menjadi sa-macham penyakit menular yang sukar hendak di-sembohkan.

### BERZIKIR

Kerana itu Allah s.w.t., menyuroh manusia banyak mengingat dan berzikir kapada Allah. Kegiatan itu ada-lah merupakan ubat dan penawar yang amat mujarab bagi berbagai2 penyakit jiwa yang di-hadapi oleh manusia.

Allah s.w.t., telah berfirman di-dalam surah Al-Hashr ayat 19 kira2 tafsiran-nya *"Dan jangan-lah kamu jadi orang2 yang lupa kapada Allah, lupa kapada ugama-Nya dan lupa kapada akhirat-Nya lalu tenggelam dalam kelazatan dunia. Kamu terus lupa dan lalai sa-hingga datang kematian kamu sedangkan sesuatu yang berguna untok akhirat kamu, sesunggoh-nya mereka yang demikian itu ada-lah merupakan orang fasek yang kelak akan di-masokkan ka-dalam api neraka."*




Sembahyang ada-lah salah satu saluran mengingat Allah yang wajib kita lakukan lima kali sa-hari sa-malam, dan di-galakkan kita menambahkan dengan sembahyang sunat yang berbagai2 jenis-nya supaya hati kita bertambah berseh, jiwa kita sa-makin tenang dan hubongan kita dengan Allah sa-makin tegoh. Orang2 yang banyak mengingat Allah ini-lah yang banyak di-korniakan rahmat oleh Allah di-dunia dan akhirat. Orang2 yang lupakan Allah dan lupakan azab-nya sering kali melakukan perbuatan-perbuatan jahat serta menyeleweng dari jalan2 yang benar.

### MEMBANYAKAN

Oleh yang demikian mari-lah kita memperbanyakkan zikir dan mengingat Allah menerusi ibadat, sembahyang, wirid, membacha Kor'an, membanyakkan sedekah dan berbagai-bagai kebajikan, meluruskan chara bekerja dan bertugas menurut garis2 hukom ugama dan sebagai-nya. Mudah2an dengan demikian diri kita, masharakat kita dan negara kita sentiasa mendapat rahmat dan berkat dari Allah s.w.t.

# Terlalu mementingkan harta manusia menjadi bakhil

**Bingkisan minggu ini**

PERKARA yang selalu membawa keberuntongan dan kebinasaan kapada manusia ia-lah harta. Mempunyai harta boleh menjadikan sa-seorang itu di-sanjung tinggi dan di-hormati. Harta juga boleh menyampaikan hajat sa-seorang untok memileki sesuatu benda yang di-ingini-nya. Malah harta juga boleh menyebabkan berlaku-nya permusohan, persengketa-an dan pembunohan antara sesama manusia. Pendek-nya harta ada-lah di-antara perkara yang menjadi puncha kebaikan dan kejahatan di-dunia ini.

Dalam hal ini sebenar-nya, Islam tidak melarang penganut2-nya memileki harta tetapi dengan sharat pemilekan, pengendalian dan penggunaan harta itu hendak-lah dengan chara yang sah dan halal. Dan hendak-lah di-ingat bahawa harta itu pada hakikat-nya bukan-lah kepunyaan-nya tetapi ada-lah kepunyaan Allah s.w.t., sa-bagaimana diri manusia itu sendiri ada-lah kepunyaan Allah.

### FAHAMI

Erti-nya harta yang kita mileki itu hanya-lah sementara saja dan bukan milek kita, ia ada-lah milek Allah dan bila2 masa saja ia akan di-ambil kembali oleh-Nya jika Ia menghendaki.

Ini-lah yang perlu kita fahami dalam menimba kekayaan duniawi ini, sebab keinginan untok memileki harta dan membelanjakan harta itu tidak-lah pernah terhenti kapada suatu batas. Ini dapat di-boktikan dengan sikap si-kaya yang berusaha untok menambahkan kekayaan-nya. Atau dengan istilah lain, sudah kaya mau kaya lagi. Ini ada-lah di-sebabkan keinginan dan perasaan tidak pernah chukop dan puas telah menjadi sifat sa-mula jadi manusia walau dalam apa perkara jua pun.

### BERASASKAN

Jika hal ini kita tidak pandai menseimbangkan-nya, maka akan jadi-lah kehidupan kita itu berasaskan kebendaan sa-mata2, sa-hinggakan murah-lah nilai erti peribadi mulia, masharakat akan jadi kuchar-kachir dan perasaan tamak haloba akan merebak di-sana sini. Ini ada-lah di-sebabkan tiap2 sa-seorang itu tidak berchita2 sa-lain daripada merebut harta walau pun dengan jalan yang tidak halal.

Kerana-nya akan timbul-lah perasaan mementingkan diri sendiri, bersikap bakhil, dan akan sunyi sepi-lah manusia daripada sikap berkorban dan berbakti kapada yang memerlukan-nya.

Oleh itu berhati2-lah dalam menimba kekayaan duniawi itu agar jangan sampai kita binasa kerana-nya. Dan jika hajat kita itu telah terlaksana maka jangan-lah lupa kapada yang memerlukan-nya. Walau bagaimana pun bagi yang kurang bernasib baik pula mereka maseh mempunyai ruang dan peluang untok memileki kekayaan itu walau pun tidak dengan harta kekayaan, ini di-sebut sa-bagai kekayaan jiwa.

### TUMBOH

Rasulullah s.a.w., pernah bersabda yang telah di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang maksud-nya kira2: *"Bukan-lah kekayaan itu kerana banyak harta benda tetapi kekayaan itu ia-lah kekayaan jiwa."*

Jelas kapada kita sekarang bahawa kekayaan yang sebenar-nya ia-lah kekayaan yang tumboh daripada perasaan yang ikhlas yang mana di-sebut sa-bagai kekayaan jiwa yang murni dan bukan-lah kekayaan yang dapat di-sukat atau di-kira dengan harta yang banyak.

Tujuan kekayaan jiwa ia-lah sa-seorang itu berpuas hati dengan apa yang di-anugerahkan oleh Allah s.w.t., redha dengan pendapatan sendiri dan mengerti bahawa kekayaan jiwa itu ada-lah lebeh tinggi mutu-nya daripada timbunan harta.

Di-samping itu ia jua dapat menjamin ketenteraman jiwa dan ketenangan fikiran kapada kita, dapat menimbulkan perasaan kaseh sayang, dan kesejahteraan hidup bermasharakat.

Oleh yang demikian, biar apa pun kekayaan yang kita mileki hendak-lah ia mendatangkan manafaat bersama.

# Perarakan Maulud 9hb. Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., bagi tahun 1982 telah di-tetapkan pada hari Sabtu, 9hb. Januari depan bersamaan dengan 13hb. Rabiel Awal 1402.

Sambutan yang di-adakan serentak di-seluroh negeri pada tahun depan berthemakan "KEJUJORAN ASAS KEJAYAAN."

Sa-bagaimana lazim-nya di-adakan pada tiap2 tahun, perarakan akan di-sertai oleh jabatan2 kerajaan, sekolah2 menengah dan maktab2, kampong2, persatuan2 belia, dan kebajikan, pertubohan2 awam saperti pengakap, pandu puteri dan palang merah serta sharikat2 swasta.

### MEMERIAHKAN

Di-samping itu orang ramai juga di-pelawa supaya sama2 turut mengambil bahagian dalam perarakan itu bagi memeriahkan hari yang bersejarah itu dalam menunjokkan dan menanamkan rasa chinta kita kapada pemimpin besar Nabi Muhammad s.a.w.

Di-Daerah Brunei dan Muara, bertempat di-Padang Besar di-sini, perarakan raksaksa itu akan di-siarkan sa-chara langsong melalui radio dan talivishen. Sementara liputan bagi daerah2 lain akan di-siarkan pada hari2 berikut-nya.

Borang2 permohonan untok menyertai perarakan ini boleh-lah di-perolehi sekarang di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-seluroh daerah. Bagi Daerah Brunei dan Muara, borang2 tersebut boleh di-dapati dari Setiausaha Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. Tingkat Dua, Bilek 308, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini. Dan borang-borang yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hari Isnin 21hb. Disember depan jam 3.30 petang.

# MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL GURU2 LEPASAN MPSHB

GADONG. — Majlis Penyampaian Sijil kapada guru2 lepasan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah akan berlangsong di-Dewan Kuliah maktab tersebut pada hari Sabtu 12hb. Disember 1981 mulai jam 8.00 pagi.

Penyampaian sijil kapada 138 orang guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah dan 44 orang guru yang mengikuti kursus dalam perkhidmatan bagi Ilmu Hisab, Bahasa Inggeris dan Musik itu akan di-lakukan oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umum Kebawah DYMM Sultan dan Yang Dipertuan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Pengetua Maktab tersebut, Awang Umar bin Hj. Ahai meminta semua guru2 yang di-siarkan di-bawah ini supaya dapat menghadhiri latehan upachara tersebut pada hari Jumaat 11hb. Disember 1981 jam 2.30 petang di-Dewan Kuliah Maktab.

Hanya guru2 yang hadhir dan mendaftar sahaja akan menerima sijil pada 12hb. Disember 1981 itu.

Nama penerima2 sijil ada-lah saperti berikut:

**1978-1981 — Guru2 Sekolah Menengah Aliran Inggeris**

Dy Bungsu bte Kamis, Dy Emut/Rabinah anak Uja, Dy Eng Jee Moi, Dk Fatimah bte Pg Mohamed, Dy Foo Hin To, Dy Low Kui Min, Dy Rokiah bte Asmakhan, Dy Siti Rokiah bte Lagong, Awg Mohamed Yusoff bin Omar, Awg Mohammed Sabri bin Haji Abdullah.

**1978-1981 — Guru2 Sekolah Menengah Aliran Melayu**

Dy Aminah bte Haji Kadir, Dy Kinah bte Ahad, Dy Masni bte Duraman, Dy Rathiah Dwana bte Abdullah, Dy Rosnani bte Serudin, Dy Suhanah bte Haji Abd Rahim, Awg Bakar bin Talib/Talip, Awg Adi bin Jumat, Awg Chugot anak Kelai, Awg Karim bin Sukirman, Awg Late bin Tanam, Awg Sahari bin Mohammad, Ak Sariffudin bin Pg Haji Damit, Awg Metassan bin Tuah.

**1978-1981 — Guru2 Sekolah Persediaan Inggeris**

Dy Aloha bte Lian, Dy Chua Hwy Guat, Dy Fatimah bte Nordin, Dy Jamilah bte Muhamad, Dy Maisalamah bte Haji Nayan, Dy Mejang bte Omar, Dy Minah bte Hamid, Dy Naidah bte Kasim, Dk Norsiah bte Pg Timbang, Dy Pang Gim Chu, Dk Rafiah bte PKI Pg Anak Tejuddin, Dy Rafiah bte Kamarudin, Dy Rokiah bte Awg Alias, Dk Rosnani bte Pg Hashim, Dy Rosinah bte Jadidi @ Zabidi.

Dy Sati bte Mokti, Awg Mohammad Suhaini bin Kadir, Awg Omar bin Ali Abd Wahab, Awg Surati bin Yunton, Dy Anizah Elias, Dy Aisah bte Awg Besar, Dy Asmah bte Haji Mohd Yusof, Dy Asnah bte Abas, Dy Azizah Haji Umar, Dk Halimah bte Pg Hj Besar, Dy Halimah bte Haji Mohd Yusoff, Dy Mariam bte Mohd Gais, Dy Masniah bte Haji Bolhassan, Dy Minah bte Damit, Dy Misin bte Binchin.

Dy Rabea bte Haji Md Yusof, Dy Sa'ediah bte Abd Rashid, Dy Seroja bte Jubir, Dy Sialam bte Haji Lajim, Dy Siti Rohaya bte Besar, Awg Ahmad bin Haji Jemuddin, Awg Lim Eng Kean, Awg Mohd Yusof bin A. Metussin, Awg Momin bin Jamil, Awg Tajuddin Haji Md Salleh, Awg Tengah bin Ibrahim, Awg Umbar bin Amit, Awg Baha bin Gandor, Awg Mohamad Husini Bakar, Dy Aminah bte Haji Abd Wahab, Dy Gusni bte Jamudin, Dy Hajjah Hajijah bte Hj Yusof.

Dy Hasima Ahmad, Dy Janis bte Haji Sabtu, Dy Noralam bte Abd Momin, Dy Norlah bte Kunchang, Dy Rokiah bte Haji Ladis, Dy Rasiah bte Haji Damit, Dy Hjh Sa'adiah bte Haji Hussin, Dy Saerah bte Awg Zaini, Dy Safiah bte Othman, Dy Satinah bte Khamis, Dy Siti Zaliha bte Tuah, Awg Abd Hamid bin Haji Abu Bakar, Awg Jamal bin Gantar, Awg Kamal bin Nasir, Awg Mohd Mansor Samat, Awg Mohd Salleh bin Omar, Awg Rahman Guanti bin Awg Haji Sulaiman, Awg Sahadani bin Asmat, Awg Yahya bin Wahab.

**1978-1981 — Guru2 Sekolah Rendah Aliran Melayu**

Dy Darmani bte Haji Bakar, Dy Dayang bte Muhammad, Dy Fatimah bte Timbang, Dy Haryati bte Mohd Ali, Dk Intan bte Pg Haji Sabli, Dy Jaimah bte Othman, Dy Kimi anak Junidi, Dy Marai anak Anturan, Dy Merah bte Haji Basar, Dy Rosni bte B.P. Idros, Dy Sanam bte Yunton, Dy Sharifah Murdiyah bte Wan Musa, Awg Hamidi bin Salleh @ Hashim, Awg Harpajan Singh, Awg Ibang anak Ampajan, Awg Jatali bin Marikan, Awg Jemuat bin Saeh, Awg Kawi bin Mohamad Nor, Awg Luang anak Sulju, Awg Md Azri bin Md Zain.

Awg Samat bin Bakar, Dy Bulat bte Ayum, Dy Maimunah bte Mohamad Saat, Dy Sainah bte Leudin, Dy Salmah bte Haji Mohammad, Dy Siti Nooriah bte Haji Salleh, Awg Abdul Razak bin Sulaiman, Awg Adanan bin Ahad, Awg Bakar bin Jambol, Awg Hon Kiaw, Ak Ja'afar bin Pg Metassan, Awg Marzuki bin Mohamad, Awg Matnoor bin Omar, Awg Mawan anak Anggat, Awg Salalu bin Musing, Awg Salleh bin Haji Buntar, Awg Tinggi anak Kelai, Awg Wahid bin Liman/Sulaiman, Awg Yunos bin Tua, Awg Zaini bin Akut, Awg Sawara/Sarawa bin Tudong.

**1977-1980 — Guru Sekolah Menengah Aliran Inggeris**

Awg Jaya bin Haji Butir.

**1977-1980 — Guru2 Sekolah Persediaan Inggeris**

Dk Kamaliah bte Pg Matyassin dan Dy Norsiah bte Ahmad.

**1976-1978 — Guru Sekolah Menengah Aliran Inggeris**

Awg Pendi bin Haji Sikon.

**1976-1978 — Guru2 Sekolah Persediaan Inggeris**

Dk Rohania bte Pg Metusin dan Awg Md Yassin bin Awg Tengah.

**1972-1974 — Guru Sekolah Melayu**

Dy Rambai/Tialam bte Mantok.

**Kurus dalam perkhidmatan dalam mata-pelajaran2 ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris bagi guru2 Sekolah Rendah.**

Hji Moksin bin Bakir, Dy Jamilah bte Haji Badar, Awg Mohd Noor bin Awang, Awg Hujan bin Hussin, Awg Salleh bin Abdul Hamid, Awg Ismail bin Metali, Pg Mohd Zini bin Pg Ismail Awg Jaludin bin Jumat, Awg Md Yussof bin Haji Muhamamd, Awg Kudil bin Tahir, Awg Bujang bin Sabtu, Awg Ahmad bin Hj Idris, Awg Kinoroh bin Eput/Siput, Awg Sungai bin Bungok.

**Kursus Musik Guru2 Pancharagam Sekolah**

Awg Emran bin Salleh, Awg Morni bin Daud, Awg Hamidon bin Metussin, Pg Md Junaidi bin Osman, Awg Daud bin Pg Haji Omar, Awg Umar bin Haji Manaf, Awg Taib bin Jaafar, Awg Daud bin Tuah, Awg Suhaili bin Laih @ Layeh, Awg Hassan bin Ibrarim, Awg Mohd Din bin Daud, Awg Abdullah Sani bin Saidi, Awg Juned bin Muhammad, Awg Jiram bin Jamit,, Awg Bakar bin Jair, Awg Bujang bin Deris, Awg Mariat bin Abdullah, Awg Ramlee bin Ahmad, Awg Ahim bin Adis, Awg Haji Mohd Yussof bin Haji Mohd Yassin, Awg Husin bin Ibrahim, Awg Duraman bin Haji Chuchu, Awg Haji Wasli bin Janai, Awg Ahmad bin Daud, Awg Mohd Rhymee bin Abdullah, Awg Mohd Yusof bin Maidin, Awg Mohd Yusof bin Damit, Awg Yaakub bin Daud, Awg Yusof bin Yaakub.



ANGGOTA2 Askar Melayu Diraja Brunei sedang menerima penerangan di-ladang mengenai penggunaan jentera pembajak dua roda oleh Awang Norsan bin Metusin.

## Latehan berladang bagi anggota2 AMDB

SINAUT. — Di-bawah skim Askar Melayu Diraja Brunei para anggota yang akan bersara dan berminat untok berladang di-beri peluang menjalani latehan dalam bidang pertanian sa-lama tiga bulan di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut untok melengkapkan diri mereka dalam kerjaya mereka yang baru. Latehan tersebut telah berjalan semenjak tahun 1980 dan telah melibatkan tiga kumpolan para anggota Askar Melayu Diraja Brunei yang kesemua-nya berjumlah 33 orang.

Dalam latehan, mereka belajar chara2 bertanam sayor dan pokok buah2an, menternak ayam serta menggunakan jentera pembajak dan alat2 ladang yang lain. Mereka juga di-beri peluang melawat bahagian2 Jabatan Pertanian dan Steshen2 Pertanian, serta ladang2 komersail anak2 tempatan dan luar negeri, untok meluaskan pengetahuan mereka dalam selok-belok berladang.

Kumpolan ketiga yang terbaharu sa-ramai 14 orang telah menghabiskan latehan mereka di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut pada 21hb Nobember, 1981 yang baru lalu. Di-hari terakhir, kumpolan tersebut telah di-beri peluang untok mengetahui perkhidmatan2 dan kemudahan2 yang dapat mereka perolehi dari pehak kerajaan dalam mengusahakan ladang2 mereka nanti melalui cheramah2 oleh dan perbinchangan dengan pegawai2 yang mewakili Jabatan2 Pertanian, Tanah dan Lembaga Kemajuan Ekonomi. Mereka masing2 terdiri dari Awang Abu Bakar bin Abd Rahman, Awang Othman bin Awang Damit dan Awang Kamaruddin bin Haji Abd Wahab.

## Kawasan tembok di-tutop

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya kini memaklumkan kapada orang ramai terutama pengguna2 motor sangkut, supaya tidak menggunakan kawasan tembok kenaikan motor sangkut ka-Utara Jambatan Kianggeh, tetapi hendak-lah menggunakan tempat kenaikan yang telah di-sediakan di-sebelah Selatan jambatan tersebut.

Ini ada-lah bagi membolehkan kontrektor yang bekerja di-situ meneruskan pekerjaan mereka dan juga untok keselamatan orang ramai yang menggunakan tempat tersebut.

## Ramai lagi anggota AMDB berkursus

BERAKAS. — Lebeh ramai lagi anggota dari Pasokan Askar Melayu Diraia Brunei telah dan berlepas meninggalkan negeri ini bagi menjalani kursus2 teknikal, mekanikal, bahasa dan ketenteraan di-seberang laut.

Bertolak ka-United Kingdom pada 28hb. Nobember depan ia-lah 6894 Pegawai Kadet Awang Ahmad bin Awang Salleh, 6944 Pegawai Kadet Suhaimi bin Hashim, 6969 Pegawai Kadet Mazlan bin Awang Tengah dan 6977 Pegawai Kadet Ak. Abbas bin Pengiran Haji Othman, ka-empat2-nya dari Pusat Latehan.

Mereka akan menialani Latehan Bahasa Inggeris di-The Bell College, South Road, Saffron dan di-The Bell School, Bowthorpe Hall di-Norwich. Kursus tersebut akan bermula awal bulan depan dan akan berakhir pada 13hb. Februari, 1982.

Sementara itu, lapan orang kadet pasokan tersebut juga telah bertolak ka-Singapura pada 29hb. Nobember ini untok mengikuti kursus Outward Bound sa-lama lima hari di-Sekolah Outward Bound di-republik itu.

Mengikuti rombongan yang di-ketuai oleh TA/25 Ak. Ludin bin Pg. Hanafiah itu ia-lah Kadet Daud bin Samat, Ak. Sallehuddin bin Pengiran Haji Jaluddin, Koply bin Matsi, Igos bin Sian, Keya bin Saidil, Japri bin Saban, Baling bin Aloi dan Kifli bin Jamuldin.

Satu rombongan yang mengandongi sembilan orang kadet lagi akan berlepas ka-Singapura pada 6hb. Disember depan bagi mengikuti kursus yang serupa di-republik itu.

Terpileh untok mengikuti kursus tersebut ia-lah Kadet Gucy bin Deli, Noorsah bin Haji Noor Kaseh, Mohd. Yazid bin Haji Ismail, Daud bin Bujang, Abd. Rashid bin Abd. Rahman, Jasmin bin Marusin, Marali bin Manan, Jasni bin Ali dan Rosdan bin Harith. Mereka akan di-ketuai oleh TA/24 2Lt. Abd. Samad bin Abd. Sani.

Kursus Outward Bound juga akan di-hadhiri oleh Kadet Ak. Jefri bin Pengiran Damit, Azmi bin Haii Anuar, Sabri bin Judin, Mahmud bin Haji Ahmad, Rusli bin Tuah, Kassim bin Bakar, Khalid bin Sidek, dan Ak. Nikman bin Pengiran Othman.

Rombongan yang di-ketuai oleh TA/22 2Lt. Ak. Jaluddin bin Pengiran Othman akan bertolak ka-republik itu pada 13hb. Disember ini.

Juga akan berlepas ka-Singapura pada 6hb. Disember ini untok menghadhiri kursus MTU 538 Engine Maintenance di-Sharikat Persendirian MTU Singapura ia-lah lapan orang anggota pasokan tersebut.

Mereka ia-lah WO2 K. Sherer, WO2 T. W. Clark, 4641 S/Sgt Abd. Manaf bin Ahmad, 4410 S/Sgt Lamat bin Haji Nordin dan 5747 Sgt. Bahrom bin Masrom dari Angkatan Laut, dan Awang P. Atkinson, Awg. G. Vasey dan Awang J. Horn. Kursus akan mengambil masa selama 11 hari.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 2hb. hingga 8hb. Dis. 1981

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 2.12.1981 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 2.12.1981 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 2.12.1981 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 5.12.1981 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 5.12.1981 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 5.12.1981 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 5.12.1981 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 5.12.1981 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 5.12.1981 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 7.12.1981 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 7.12.1981 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 8.12.1981 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 8.12.1981 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# BERAPA HARGA-NYA SKERIP AWDA?

AWANG Jamalun, penulis cherpen Ana Unta membuat komen; lebeh terjamin hidup sa-bagai sa-orang penjual gulaian di-tamu dari hidup sabagai sa-orang penulis yang menggantungkan untong nasib periok nasi-nya atas hasil karya penulisan. Sabenar-nya sambong Awg Jamalun, awda tidak akan berhasil memburu wang dunia penulisan tanah ayer, sebalek-nya awda akan di-buru penyakit darah tinggi, kenching manis dan penyakit jantong jika awda terlalu ligat berlusir di-padang penulisan itu. Awang Jamalun itu erti-nya Awang Unta, dan apakah benar pendapat si-unta itu?

Sa-belum kita menelan pendapat penulis cherpen Ana Unta itu lebeh baik kita meninjau sa-jenak kapasaran skerip Radio Brunei satu-satu-nya "pasaran skerip" di-negeri ini. Dari pasaran ini nanti kita chuba pula menchari pasar harapan bagi penulis2 tanah ayer yang mungkin ada tersorok, chuma belum terbongkar, atau belum ada tenaga yang sanggup membongkar pasaran penulisan itu, yang mana di-sana tersedia wang ratusan ribu dollar untok skerip2 yang tergolong dalam katigori 'first class'.

Baik rasa-nya mulai harga skerip awda dari pasaran skerip Radio Brunei. Skerip drama radio awda akan di-bayar dengan harga lebeh kurang $60.00. Tetapi jika skerip awda itu ternyata menarek maka skerip itu akan di-gunakan oleh pehak TV Brunei, dengan bayaran kira-kira $150.00 lagi. Sa-lepas itu kira-nya pehak Dewan Bahasa dan Pustaka mendapati skerip awda itu jempul maka ia akan di-chetak dan awda akan menerima bayaran-nya sekali lagi. Dan jika karya awda itu berupa cherpen, maka mungkin di-masa akan datang ia di-chalunkan untok merebut skerip cherpen terbaik negeri2 ASEAN, dengan hadiah ribuan dollar Amerika. Dan bila cherpen awda menggondol hadiah, 'top' dalam negara2 ASEAN tentu-nya cherpen itu di-terjemahkan pula ka-beberapa bahasa dunia. Dan sekali lagi awda akan menurunkan tanda tangan ka-atas perjanjian bernilai ribuan dollar Amerika. Mungkin cherpen awda akan di-bacha antara lain oleh 'Producer' Film atau TV. Dan sekira-nya dia tertarek kapada cherpen awda itu satu lagi perjanjian bernilai ribuan dollar Amerika akan awda tanda tangani.

Tentu awda akan bertanya apa-kah saya mengemukakan satu 'story' ala Mat Jenin yang gugor dari pohon piasau? Terserah. Tetapi begitu-lah pasaran skerip di-negara2 maju hari ini. Chuma apa yang ingin saya sampaikan ia-lah bahawa padang harapan bagi penulis2 kita terbentang luas dan pasaran skerip sedang menunggu karya awda. Majallah ASIAWEEK kini sedang menawarkan hadiah2 mulai dari ratusan hingga ribuan dollar Amerika untok cherpen2 yang baik.

Akhir-nya apa-kah penulis2 tanah ayer itu boleh hidup dengan hasil penulisan-nya, atau lebeh baik turut berdagang di-tamu saja?





# SELOKA MERP

PASANGAN penyanyi ini sudah tidak asing lagi Mereka ia-lah pasangan suami Tajuddin Pg Haji Manggong siah A. Hamid. Pernah me orang recording artist satu m yang mengharum nama negara dalam bidang seni suara dengan buah album yang sangat di-gema

Bagaimana-kah pula persemb reka dalam mendendangkan ma? Ikuti-lah ranchangan MERPATI keluaran minggu hari Ahad 29hb Nobember 2.30 petang.



RANCHANGAN tempatan ini memberikan peluang-nya kapada penggemar lagu2 berunsor dakwah dan nasehat, dan dalam pada hari Jumaat 4hb Disember, 1981 jam 9.00 pagi nanti akan menampilkan lagi Suara Gambus dari Senandong Budaya. kumpolan penyanyi dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara.

Gambar kelihatan sa-bahagian dari kumpolan penyanyi tersebut semasa membuat sedikit latehan sejurus sa-belum rakaman



KE-EMPAT2 "penuntut" yang membintangi siri baru "BREAKING AWAY" bermula Ahad depan jam 3.05 petang. Mereka dari kiri Tom Wiggin, Mom Barry, Shaun Cassidy dan Jackie Earl Haley.



KALAU Awda ingin menchuba menjadi pelakun Drama Radio, mesti-lah menyediakan perkara2 ya menepati waktu, ia-itu waktu yang di-tetapkan oleh penerbit untok membuat rakaman-nya. Skerip serahkan oleh penerbit, dan yang penting sifat malu hendak-lah di-singkirkan. Kalau sifat malu ma di-lahirkan dengan baik oleh pelakun.

Kelihatan dalam gambar penerbit Drama (Abdullah Awang Damit) sedang memerhatikan pe Drama Purba di-siarkan tiap2 hari Ahad jam 4.00 petang, dan ulangan hari Khamis jam 10.30 p

# KEMPEN JANGAN MEMBAZIR TENAGA LETRIK

**Oleh: Noorashidah Haji Aliomar**

## Bayaran tenaga letrik di-Brunei jauh lebeh murah dari sa-tengah2 negara lain

TIDAK-lah dapat kita nafikan kuasa tenaga letrik merupakan tenaga yang sangat di-kehendaki terutama sekali di-zaman kita yang begitu sophistikated sekarang.

Baru2 ini pehak Jabatan Letrik telah menggesa orang ramai agar jangan membazir dalam menggunakan tenaga letrik. Sudah barang tentu ada di-antara kita yang tertanya-tanya sesama sendiri mengapa persoalan ini timbul? Apa-kah terdapat kekurangan kuasa tenaga atau sebalik-nya? Atau pun kos penggerak jentera kuasa tersebut sangat mahal?

ELAK PEMBAZIRAN

Tidak-lah saperti yang kita fikirkan. Menurut Ketua Jurutera Letrik, Malai Ali bin Malai Hj. Othman tujuan kempen tersebut ia-lah untok mengelakkan pembaziran yang tidak perlu di-seluroh negeri.

Kalau kita katakan kos pembelanjaan untok menjalankan kuasa tenaga begitu mahal, maka-nya orang ramai di-libatkan dengan chara di-suroh jangan membazir. Ini ada-lah tidak benar. Pembayaran harga gas yang di-gunakan ada-lah lebeh murah dari harga pasaran dunia di-mana bayaran yang di-kenakan di-Brunei ada-lah pulohan kali ganda murah.

Menurut tinjauan yang di-buat oleh pehak berkenaan 30 peratus dari penggunaan ada-lah di-gunakan sa-chara membazir. Dan daerah yang terbesar menerima saloran tenaga ia-lah Daerah Brunei-Muara.

Ketua Jurutera Letrik menambah yang kemunchak penggunaan tenaga di-rumah2 ia-lah di-antara jam 6.30 petang hingga jam 7.30 pagi. Sementara itu penggunaan tinggi kuasa juga di-dapati di-waktu siang di-mana melibatkan tenaga bagi pengurusan dan perusahaan. Tetapi ini, tidak-lah sa-banyak atau sa-penting penggunaan tenaga di-waktu malam.

TARAF HIDUP

Peranan pertumbohan yang pesat dalam bidang pembangunan dan sistem taraf kehidupan yang tinggi memainkan peranan penting dalam tujuan kempen menchegah pembaziran kuasa tenaga.

Pertumbohan yang begitu terlalu meningkat bermakna lebeh banyak saloran letrik akan di-perlukan, justeru itu untok menseimbangkan ada-lah perlu bagi kita mengelakkan pembaziran. Di-samping itu chara ini juga akan membolehkan saloran2 kuasa tersebut berjalan dengan begitu selamat dan terator.

KADAR PENGGUNAAN

Kadar penggunaan tenaga letrik menunjokkan jumlah kekuatan kuasa yang di-pakai sa-tiap hari pada tahun ini ia-lah 70 Mega Watt bertentangan dengan hanya 60 Mega Watt di-tahun lepas. Kemungkinan jumlah angka ini akan meningkat naik lagi.




Rajah menunjokkan di-mana penggunaan kuasa tenaga letrik di-rumah2 negara kita meningkat dari 2 ka-7 kilo watt. Ini berbanding dengan di-setengah negara2 lain di-mana penggunaan-nya menurun dari 5 ka-2 kilo watt.

Ada-lah memang benar bayaran rendah bagi penggunaan2 letrik menggalakan pembaziran, tambah Ketua Jurutera Letrik. Kita di-Brunei sangat beruntong kerana bayaran satiap yunit itu lebeh jauh murah kalau di-bandingkan dengan harga di-Singapura mithal-nya kita hanya membayar 5 sen satiap yunit manakala di-Singapura bayaran yang di-kenakan ia-lah 25 sen.

Memandangkan harga murah ini-lah soal membayar kos "electricity bill" tidak menjadi persoalan. Kalau di-lihat segi struktur di-negara2 lain sa-makin tinggi pengguna tenaga makin tinggi juga kadar bayaran-nya, tetapi berlainan dengan negara kita. Mengikut tariff yang telah ujud sejak tahun 1969, harga bayaran gas untok menjalankan kuasa letrik telah meningkat dari 25 sen ka 50 sen per cu ft. Tetapi tariff bayaran letrik tetap tidak berubah dan maseh berdasarkan konsep lama di-mana semakin tinggi penggunaan tenaga maka semakin rendah kadar bayaran-nya dan ini boleh mengakibatkan pembaziran.

KESEDARAN

Rasa kesedaran ada-lah perlu betapa penting-nya kita sama2 dapat mengurangkan penggunaan kuasa letrik di-rumah2. Betapa tidak-nya penggunaan kuasa letrik yang berlebeh-lebehan boleh mengakibatkan gejala2 yang tidak di-ingini berlaku. Ramai di-antara kita mampu membeli alat2 perkakas letrik tetapi tidak memikirkan untok mengubah suai saloran letrik mereka dengan chara yang lebeh baik. Jadi dengan ada-nya kempen menchegah pembaziran kuasa tenaga ini akan dapat menimbulkan sifat pemeliharaan, chermat dan keselamatan dalam rumah.

Kalau di-bandingkan dengan negara2 lain penggunaan tenaga letrik telah berkurangan dari 5 kilo watt kapada 2 kilo watt. Ini ada-lah di-sebabkan dengan sikap terhadap penggunaan yang agak berlainan dengan negara2 lain. Pendudok-nya menyedari betapa penting-nya mereka berwaspada terhadap pembaziran bersebab dari kos pembayaran yang tinggi. Dari itu mereka lebeh bersikap berhati-hati. Suis alat letrik hanya di-pasang bila masa yang di-perlukan saja. Tetapi sa-tengah orang kita keluar dengan membiarkan saja alat2 hawa dingin di-bilek2 tidor hingga beberapa jam dan ini-lah pembaziran di-mana kempen ini antara-nya di-maksudkan.



Ketua Jurutera Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman.

PERHATIAN

Malai Ali seterus-nya menambah yang kempen pembaziran ini telah pun di-lancharkan melalui talivishen, Akhbar Rasmi Pelita Brunei dan ranchangan2 untok memperkenalkan kempen tersebut melalui poster dan pelekat juga akan di-adakan. Dan ini ada-lah di-harapkan sektor2 private juga akan mengambil perhatian terhadap isu tersebut. Ketua Jurutera itu juga merasa optimis yang kempen menchegah pembaziran kuasa tenaga akan berjaya sakurang2-nya menyedarkan orang ramai tentang hakikat kempen tersebut.

Untok meninggikan lagi mutu kejayaan-nya pehak Jabatan Letrik mengharapkan akan dapat mengadakan misal-nya peraduan menulis essei mengenai kempen terhadap pembaziran kuasa tenaga dengan di-taja oleh mana2 pehak.

Demi kepentingan bersama, Malai Ali menasehatkan orang ramai supaya menutup suis2 alat letrik apabila tidak di-perlukan. Dan ini merupakan tanggong-jawab kita untok menghidupkan jentera2 pembangunan negara.

**PEMBAYARAN KUASA TENAGA LETRIK DI-BRUNEI DAN SA-TENGAH2 NEGERI2 LAIN**

| | Brunei | Sa-tengah negeri2 lain |
|---|---|---|
| Sa-unit | 5 sen | 20 sen |
| Kalau sa-ratus Unit | $5.00 | $25.00 |

Pembayaran tenaga kuasa kita ada-lah lebeh jauh murah. Ini dapat di-lihat dari rajah di-atas.

# Jalankan tugas dengan penoh hati-hati

**Oleh: Ja'afar Ibrahim**

DAERAH TUTONG. — Ketua Jurutera Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman menegaskan bahawa ada-lah menjadi kewajipan dan tanggong-jawab kaki-tangan Jabatan Letrik di-negeri ini pada memelihara keselamatan pengguna2 di-samping pada menjaga alat2 letrik supaya dalam keadaan baik.

Untok itu beliau, menyarankan supaya kaki-tangan jabatan tersebut akan sentiasa menjalankan tugas2 sa-harian dengan penoh disiplin, chergas, hormat, sopan santun dan penoh dedikasi.

"Dan ada-lah menjadi harapan saya semoga kaki-tangan jabatan ini membuat kerja2 dengan penoh hati-hati pada menjaga nama baik jabatan ini dan juga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia," ujar-nya.

Kerana, menurut-nya, perkerjaan sa-umpama itu sentiasa terdedah kapada orang ramai yang sentiasa memerlukan khidmat bakti yang baik terutama dalam pemasangan alat2 letrik di-rumah2.

Beruchap di-majlis dailog dengan kaki-tangan Jabatan Letrik, Daerah Tutong yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-sini, pada hari Rabu lepas, Ketua Jurutera Letrik itu seterus-nya menjelaskan bahawa tugas sa-benar jabatan berkenaan ada-lah pada memberi dan membekalkan tenaga2 letrik kapada seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini.

Menyentoh mengenai tujuan dailog pada hari itu, Malai Ali berkata yang tujuan-nya ada-lah semata-mata untok bertukar2 fikiran, terutama mengenai pekerjaan di-samping pada memperbaiki taraf dan mutu perkhidmatan Jabatan Letrik kapada orang ramai.

Di-samping itu tambah-nya lagi, dailog sa-umpama ini juga bertujuan pada mengeratkan perhubongan tali silatulrahim di-antara pegawai2 kanan Jabatan Letrik di-Ibu Pejabat dengan kaki-tangan2 letrik daerah2.

"Maka saya berharap biskita akan dapat mengemukakan masaalah2 serta kemuskilan2 yang di-hadapi di-daerah ini, dan kita akan sama2 menyelesaikan perkara2 yang di-kemukakan itu dengan penoh tertib dan sehalus-nya supaya akan timbul satu kesedaran pada memperbaiki lagi taraf perkhidmatan jabatan ini," ujar-nya lagi.

Sa-ramai 40 orang kaki-tangan yang terdiri berbagai-bagai bahagian Jabatan Letrik daerah tersebut telah menghadhiri majlis dailog yang julong2 kali-nya di-adakan.

Majlis dailog pada pagi itu di-ikuti dengan perlawanan bola sepak yang di-adakan di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong dan sepak takraw di-antara pegawai2 dari Ibu Pejabat dan kaki-tangan daerah Tutong.



GAMBAR menunjokkan ketika perjumpaan tersebut.

# KEBERANGKATAN K



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia ka-mukim tersebut telah di-alu2kan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah saperti kelihatan gambar atas. Gambar bawah pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan dengan di-iringi oleh Penghulu Mukim, Pateh Haji Masri ketika berangkat ka-kampong2 di-mukim tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada hari Selasa, 24hb Nobember yang lalu telah meneruskan lagi keberangkatan2 Baginda melawat ka-mukim2 di-Daerah Brunei-Muara. Mukim yang di-lawati Baginda itu ia-lah Mukim Sungai Kebun. Ini ada-lah mukim yang ke-empat di-lawati oleh Baginda dalam siri lawatan Baginda ka-mukim2 di-Kampong Ayer.

Turut mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan dan rombongan telah di-alu2kan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haj bin Haji Mohd Jaafar, Penghulu Mu Kebun, Pateh Haji Masri bin Ismai tua2 Kampong Mukim tersebut. Baginda dan rombongan di-junjong ka-Sekolah Rendah Pehin Dato Jam Baginda telah melafadzkan titah kanan).

Terdahulu sa-belum itu, Penghul Pateh Haji Masri telah menyembahka alu2an. Beberapa orang pendudok di-mukim itu juga telah menyemba gai masaalah ka-hadapan majlis Ke Yang Maha Mulia.

Sa-telah majlis tersebut seles Duli Yang Maha Mulia dan romb jong berangkat melawat ka-sekitar sebut, termasok lawatan ka-Kelini rumah Ketua2 Kampong dan pers di-usahakan oleh pendudok2 kamp



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Penasehat Umom Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji wai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah ketika berada di-rumah Ketua Kampon Sementara gambar kanan kelihatan Baginda menanda-tangani Buku Pelawat Sekolah Rendah Peh







BEBERAPA orang pendudok dari mukim tersebut telah menyembahkan beberapa masaalah ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Gambar kiri kelihatan Awang Zulkifli bin Haji Tengah, dari Kampong Ujong Kelinik menyembahkan masaalah yang di-hadapi oleh pendudok kampong berkenaan.

Di-samping berangkat ka-kampong2 di-mukim tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berangkat melawat kelinik, salah satu kemudahan yang di-sediakan oleh Kerajaan Baginda di-mukim tersebut. Gambar kanan kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika di-alu2kan oleh kaki-tangan kelinik tersebut.

Gambar paling kanan pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan mendengar penerangan dari Awang Haji Baha bin Haji Mohd Noor mengenai dengan perusahaan perahu yang beliau usahakan.

# AWAH D.Y.M.M. KA-MUKIM SG. KEBUN









GAMBAR atas dan bawah kelihatan ketika Baginda Yang Dipertuan berangkat melawat Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil dan mendengar penerangan dari guru2 di-sekolah tersebut. Gambar paling bawah pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan di-alu2kan oleh pendudok2 Kampong Terap Bau dalam lawatan Baginda ka-kampong tersebut.





# intisari RTB minggu ini

## RESEPI MASAKAN MINGGU INI

### *KETUPAT SOTONG*

**Bahan2-nya :**

8 ekor sotong sederhana besar-nya (di-buang kulit luar dan bahagian dalam-nya tetapi biarkan kepala-nya)
2 chawan beras pulut (di-chuchi dan di-toskan)
2 biji kelapa (di-parut)
$\frac{1}{4}$ kati gula merah
$\frac{1}{4}$ chamcha garam
serbok perasa dan beberapa batang penchuchok gigi kayu.

**Bahan2 untok di-giling :**

8 ulas bawang merah
1 batang serai
$\frac{1}{2}$ inchi halia
5 biji lada hidup
sedikit kunyit.

**Chara membuat-nya :**

Perah pati santan dari kelapa, tambah sedikit garam dan rendam pulut dalam-nya sa-lama 1 jam. Tambahkan sedikit ayer kepada kelapa itu dan perah keluar 3 chawan santan chair. Isikan sa-tiap sotong 3 4 penoh dengan pulut rendam. Gunakan penyuchok gigi kayu untok melekatkan kepala sotong itu.

Masokkan santan pekat dalam periok dan champorkan bahan2 yang di-giling tadi serta gula merah, garam dan serbok perasa. Biarkan memdideh, baru masakkan sotong yang sudah di-isi dengan pulut tadi. Biarkan pulut dan sotong itu masak, baru-lah di-hidangkan.

## *"Saputangan Pemampan Bersin" – tajok sandiwara minggu ini*

PENULIS Sandiwara minggu ini, Mariat Abdullah, Brunei akan membawa kita dengan persoalan, apa-kah sa-orang penuntut yang ternyata gigih, itu akan tetap mendapat kejayaan dalam pepereksaan mereka ? Kita selalu mendengar yang rajin dan usaha itu tangga kejayaan. Tapi apa-kah ini satu kenyataan yang akan timbul dalam cherita yang bertajok SAPUTANGAN PEMAMPAN BERSIN.

Memainkan peranan utama dalam sandiwara ini ialah Mail sa-orang penuntut yang ternyata amat memandang berat terhadap pelajaran-nya, belajar tidak memileh waktu. Demikian juga dengan teman2-nya Salmah dan Baha yang sama2 bersunggoh2 belajar dan ingin mendapatkan keputusan yang memuaskan dalam pepereksaan nanti. Kapada Mail-lah mereka selalu meminta bantuan untok menyelesaikan masaalah pelajaran yang mereka hadapi.

Berlainan pula dengan teman mereka Lamat yang tidak mengindahkan langsong tentang pelajaran-nya walau pun Mail telah chuba menasehatkan-nya. Sebalek-nya Lamat pula chuba mempengarohi Mail dengan perangai burok-nya itu.

Ayah Mail khuatir akan kesihatan Mail yang sentiasa berkurong di-bilek dengan buku2 itu dan menasehatkan-nya supaya keluar sekali-sekala untok kesihatan-nya.

Hari yang di-tunggu2 pun menjelang. Ketika mendudoki pepereksaan, Mail tidak merasa tenteram, dan fikiran-nya tidak tertumpu sa-penoh-nya pada kertas2 pepereksaan, walau pun sa-lama ini ia telah menghabiskan masanya dengan mentelaah pelajaran-nya. Mail tidak menduga ia boleh berjaya.

Tepat-kah dugaan Mail itu ? Sekira-nya tepat akan berubah-kah sikap Mail dalam menutut ilmu pengetahuan ? Jika ini menjadi kenyataan, mungkin-kah Mail tabah atau ia akan berputus-asa ? Jawapan2 pada soalan2 ini tidak akan awda temui jika awda ketinggalan untok mengikuti sandiwara radio minggu ini yang akan kaudara pada hari Ahad 6hb Disember, 1981 jam 12.00 tengahari.

Sandiwara ini akan diterbitkan oleh Emran Mohd Yusof.



BUCK Rogers dan teman karib-nya Twiki dapat di-saksikan Khamis esok dalam siri Buck Rogers In The 25th Century dengan episod : Flight of The War Witch.



Mithal-nya, sa-seorang pelakun itu mesti-lah di-semak untok mensesuaikan watak yang di-peranan atau watak yang di-berikan tidak dapat

... Radio sa-belum rakaman-nya di-jalankan.

## RANCHANGAN TVP DARI 7HB. HINGGA 13HB. DIS.

### ISNIN — 7HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDNAG 493.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, GAMBAR DARI RUMAH, MAIN BAKUL, LIHAT DAN PERHATI, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 493.

### SELASA — 8HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 494.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, MENEKA BUNYI, BERSENAM, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.
HALAMAN MENGAJAR Che'gu Rokiah akan menggunakan huruf 'o'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 494.

### RABU — 9HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 495.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN BOLA, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.
HALAMAN MENGAJAR Che'gu Rokiab akan menggunakan angka 7, 8, 9.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 495.

### KHAMIS — 10HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 496.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, PAPAN HIKMAT, IKUT KETUA, PETI SURAT, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan MENGAJAR Che'gu Rokiah akan menggunakan huruf 'p'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 496.

### JUMAAT — 11HB DIS.

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LUKISAN DARI RUMAH, BELON SI-MANIS, MENEKA BUNYI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 12HB DIS.

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 497.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MAIN BAKUL, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 497.

### AHAD — 13HB DIS.

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KATA SI-MANIS, KERJA TANGAN, MAIN MUZIK, PETI SURAT, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.
KERJA TANGAN Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat kereta daripada kotak machis.

# KEJOHANAN CHATOR REMAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Brunei akan mengadakan pertandingan kejohanan Chator Remaja Piala Aziz bagi perengkat2 umor di-bawah 20 tahun dan 14 tahun di-seluroh negeri.

Kejohanan tersebut akan berlangsong mulai pada hari Sabtu, 5hb dan berakhir pada hari Jumaat, 11hb. Disember depan bertempat di-Pusat Tingkatan Enam Gadong dan akan di-jalankan pada tiap2 jam 2.00 hingga 6.00 petang.

### PIALA AZIZ

Menurut Awang Mohd. Asnawi, Pengarah Pertandingan Persatuan Chator Brunei bahawa Kejohanan Remaja Sa-negeri di-bawah umor 20 tahun ada-lah bagi merebut Piala Aziz yang di-sumbangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz.

Sementara kejohanan di-bawah umor 14 tahun pula ia-lah untok merebut piala yang di-sumbangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Noor.

### "COMPETITIVE"

Menyentoh mengenai dengan tujuan utama perlawanan ini di-adakan, beliau menjelaskan ia-nya ada-lah bagi mendedahkan lebeh ramai pemain2 muda kapada perlawanan chator yang lebeh "competitive" lagi dari yang di-adakan di-sekolah2.

Dengan demikian sa-siapa yang ingin mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut hendak-lah mendaftarkan nama2 mereka kapada Awang Mohammad bin Haji Wasli di-Pejabat Imigeresen Brunei, Awang Mail bin Yusof di-Sharikat Hasrah Brunei dan Awang Mohd. Asnawi bin Haji Abd. Halim di-Bahagian Yunit Peranchang Ekonomi Brunei tidak lewat pada hari Jumaat, 4hb. Disember depan.

Beliau juga menjelaskan jika kewangan mengizinkan Insha Allah pehak persatuan ini akan menghantar Johan Remaja Chator Piala Aziz bagi mewakili Brunei ka-kejohanan Remaja Asia 1982.




## Manggalela johan sepak takraw

KUALA BELAIT. — Perlawanan akhir sepak takraw yang di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia bagi daerah ini telah berlangsong di-gelanggang Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-sini pada hari Jumaat, 20hb. Nobember lepas.

Dalam perlawanan itu, pasokan kawasan Manggalela telah munchol sabagai juara pada tahun ini dengan menewaskan pasokan dari Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah dengan dua permainan dengan kiraan mata 15-4 dalam set pertama dan 15-12 bagi set kedua.

Sementara kawasan pasokan Pemancha pula telah munchol sa-bagai juara dalam perlawanan bagi pemain yang berumor 16 tahun kebawah dengan menumpaskan pasokan dari kawasan Jalan Gate, Kuala Belait.

Perlawanan ini di-anjorkan sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun dengan di-kendalikan oleh Persatuan Pembela Kuala Belait.

Sa-banyak 16 buah pasokan yang mewakili sekolah2 menengah dan maktab, kampong2, persatuan belia dan kebajikan dan sharikat2 swasta telah mengambil bahagian dalam kejohanan itu.



KEDUA2 gambar ini menunjokkan aski perlawanan sepak takraw pusingan sa-paroh akhir yang di-langsongkan di-Gelanggang Padang Kebajikan, Kuala Belait.



## Bola tampar perengkat akhir JKR tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir bola tampar antara bahagian2 Jabatan Kerja Raya yang di-jadualkan berlangsong pada 29hb. Nobember lalu di-Pusat Belia telah di-tunda pada tahun depan. Demikian di-umomkan oleh Awg. Idris bin Haji Abas, pengerusi kejohanan tersebut.

Menurut beliau, perlawanan akhir itu di-jangka akan di-adakan pada 2hb. Januari 1982 ia-itu sempena PESTA SOKAN jabatan tersebut.

Kata-nya perlawanan akhir itu ia-lah di-antara pasokan Makmal 'B' lawan pasokan Pool Transport (Bahagian Kenderaan). Sementara untok merebut tempat ketiga pula, pasokan Makmal 'A' akan bertemu pasokan Akitek.

Beliau berkata bahawa kejohanan yang di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tabong Perayaan Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi jabatan tersebut ia-lah untok merebut piala yang di-sumbangkan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya, Awg. Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin.

Perlawanan pusingan awal telah di-jalankan sejak bulan September dengan di-sertai oleh sabanyak 13 buah pasokan yang mewakili bahagian2 di-Jabatan Kerja Raya. Dan ia-nya di-bahagikan kapada dua kumpolan ia-itu kumpolan I dan II.

### KUMPOLAN

Pasokan2 bagi kumpolan I yang kesemua-nya mengandongi enam buah ia-lah terdiri dari pasokan2 AQUA 'A', Strangers 'A', Berjaya, Head Quarters, Pool Transport dan Makmal 'A'.

Sementara kumpolan dua pula ia-lah pasokan2 AQUA 'B', Strangers 'B', Makmal 'B', Arquas, Base Fui, Workshop dan Whale.

Awang Idris menjelaskan, bahawa tujuan perlawanan ini, di-adakan ada-lah untok mengeratkan lagi tali silatulrahim di-antara kakitangan Jabatan Kerja Raya yang di-pupok melalui bidang sokan.

Di-samping itu tambah-nya lagi, ia-nya juga bertujuan bagi menggalakkan dan menarek minat kakitangan jabatan berkenaan untok menyertai sokan sa-umpama ini di-samping memajukan mutu dan "Standard" permainan bola tampar di-negeri ini.

## KAKET johan bolasepak 35 tahun ka-atas

TUTONG. — Pasokan Kampong Keriam (KAKET) telah munchol sabagai juara dalam perlawanan bolasepak antara kampong2 bagi pemain2 yang berumor 35 tahun ka-atas yang telah di-langsongkan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim di-sini pada hari Ahad lepas.

Di-perlawanan akhir itu, pasokan tersebut telah menewaskan Pasokan Pemuda Penanjong (juara tahun lalu) dengan jaringan tiga gol berbalas satu.

Kedua-dua pasokan yang memasoki perlawanan akhir pada hari itu telah memungut mata yang tinggi dalam perlawanan pusingan awal. Pasokan Keriam memungut sembilan mata dan Pasokan Pemuda Penanjong memungut lapan mata.

### ENAM PASOKAN

Sa-banyak enam buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu. Pasokan tersebut ia-lah Kampong Keriam (KAKET), Persatuan Pemuda Penanjong, Gabongan Kampong Panchor Dulit/Papan dan Bukit Bendera, Kampong Sengkarai, Kampong Rambai dan Gabongan Kampong Luagan Dudok dan Sinaut.

Perlawanan tersebut di-anjorkan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-35 tahun bagi Daerah Tutong.

Johan dalam perlawanan itu menerima hadiah rebutan sumbangan Awg. Muhammad bin Damit, sementara naib-johan menerima hadiah sumbangan Awang Haji Metussin bin Haji Md. Tahir.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Pengiran Sallehuddin bin Pengiran Mohd. Yusof, Penolong Pegawai Daerah Tutong.



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Sallehuddin menyampaikan oskar rebutan kapada Ketua Pasokan Kampong Keriam, Awang Suhaili bin OKJP Haji Talip.



INI-LAH gol pertama yang di-jaringkan oleh pasokan Kampong Keriam di-perlawanan akhir bolasepak bagi umor 35 tahun ka-atas bagi Daerah Tutong baru2 ini.

## 'A' Kompeni juara b-sepak antara yunit AMDB

BERAKAS. — Pasokan A Kompeni telah munchol sabagai juara bolasepak antara Yunit2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah di-langsongkan di-Padang Perkhemahan Berakas di-sini pada hari Khamis 19hb. Nobember lepas.

Dalam perlawanan perengkat akhir itu pasokan tersebut telah berjaya menewaskan Pasokan Pentadbiran dengan jaringan tiga gol berbalas dua.

Kejohanan yang di-anjorkan sa-bagai projek tahunan bagi pasokan itu ada-lah semata2 bertujuan untok meninggikan mutu permainan di-kalangan anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei di-samping pada sama2 berusaha bagi meningkatkan lagi mutu permainan bolasepak di-negeri ini.

Hadiah2 kapada pasokan2 yang menang di-akhir perlawanan telah di-sampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Leftenan Kolonel Dato Paduka Awang Haji Mahdin bin Dato Paduka Haji Basir, Pegawai Pemerentah Pasokan Battalion Pertama AMDB.

## Pasokan 'A' juara rugbi PDB

GADONG. — Pasokan 'A' dari Division A, Ibu Pejabat Pulis Diraja Brunei telah berjaya mempertahankan kejuaraan-nya sekali lagi dalam perlawanan Rugbi Tujoh Orang Sa-pasokan antara divison2 pasokan Pulis Diraja Brunei dengan mengalahkan pasokan 'B' dari divison yang sama dengan kedudokan mata 17-16.

Kejohanan tahunan yang di-anjorkan oleh Majlis Sokan pasokan tersebut itu telah berlangsong di-Stadium Hassanal Bolkiah, kompleks sokan Pulis Diraja di-sini pada hari Sabtu, 21hb. Nobember lalu.

Sa-banyak sembilan buah pasokan dari lima divison pasokan tersebut telah menyertai perlawanan yang di-jalankan sa-chara sistem kalah mati (knockout).

Hadiah2 kapada pasokan2 yang menang telah di-sampaikan oleh Pemangku Penolong Pesurohjaya Pulis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Rahman bin Awang Haji Besar.

